

01 OCT 2002

Mahathir-Saintis/I

SAINTIS LUAR DIJEMPUT MAJUKAN SEKTOR BIOTEKNOLOGI MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 1 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mempelawa saintis luar untuk menyertai usaha Malaysia memajukan segala potensi dan peluang dalam bidang bioteknologi.

Perdana Menteri berkata walaupun Malaysia ingin menggunakan sendiri segala sumbernya, kerajaan mengakui ia memerlukan kerjasama saintis luar sekalipun badan-badan yang berkaitan untuk mengeksploit dan mendapat manfaat daripada apa yang dimiliki oleh negara.

"Secara amnya, usaha penyelidikan dan pembangunan kita tidak menghasilkan banyak paten baru untuk didaftarkan, jauh sekali melancarkan badan-badan berkaitan.

"Keadaan ini menunjukkan kekurangan yang terdapat di negara ini yang tidak setara dengan bahan sumber dan potensi di Malaysia," kata Dr Mahathir semasa merasmikan BioMalaysia 2002, satu simposium dan pameran antarabangsa mengenai bioteknologi.

Beliau berkata Malaysia telahpun mula melatih kakitangan yang diperlukan tetapi bilangannya mungkin tidak mencukupi.

Bercakap pada sidang berita kemudian, Dr Mahathir berkata kerajaan akan memastikan bahawa segala penyelidikan dibuat dalam negara dan bahan penyelidikan tidak dibawa keluar dari Malaysia.

"Dan kita perlu ada perjanjian yang tepat berkenaan hak mereka yang akan membuat penyelidikan dan apa yang menjadi hak kita," katanya.

Perdana Menteri berkata kerajaan sedang berusaha menubuhkan sebuah agensi penguatkuasaan dan jawatankuasa etika bagi menentukan mereka yang membuat penyelidikan tidak melakukannya untuk sesuatu tujuan tidak baik atau yang boleh mendatangkan mudarat kepada manusia.

Ketika ditanya bagaimanakah Malaysia bercadang untuk menarik minat saintis menjalankan penyelidikan dalam bioteknologi, Dr Mahathir berkata mereka yang terlibat dalam penyelidikan sudah tentunya mahu memperolehi pendapatan yang lumayan kerana usaha mereka.

Sebaliknya, mereka yang terlalu mementingkan hasil kewangan tidak sesuai untuk menjadi penyelidik, katanya.

"Penyelidik mestilah terdiri daripada mereka yang berdedikasi dalam kerja mereka, dan bagi mereka, ganjaran terbaik ialah hasil yang mereka perolehi," katanya.

Sebagai contoh, kata Dr Mahathir, Hadiah Nobel diwujudkan bagi mengiktiraf orang yang menghasilkan kerja luar biasa tetapi yang tidak bergaji sebesar ketua pegawai eksekutif syarikat seperti Hewlett Packard atau Ford Motor Company.

Tidak seperti mereka yang mendapat kemudahan jet sendiri atau kapal layar mewah, penyelidik perlu akur bahawa sesuatu pencapaian itu lebih penting daripada ganjarannya, katanya.

Mengenai perkembangan projek Lembah Bio, pemacu utama pelaksanaan program pembangunan bioteknologi negara, Dr Mahathir berkata belum ada bangunan didirikan di situ.

Lembah Bio dirancang menjadi tempat menjalankan semua penyelidikan untuk mengelak sebarang pertindihan, dan ia akan mempunyai, antara lain, tiga institut mengenai genomik, farmaseutikal dan pertanian.

-- BERNAMA

MAM MAM MAI